



MEDICAL FAIR ASIA: NETWORK, LEARN, SOURCE.

[FIND OUT MORE >](#)CREATED BY **brandSTUDIO**
PRODUCTIONS

X



Serat tumbuhan semula jadi berpotensi kurangkan penyerapan lemak hampir separuh

8/8/2018 19:37 Update: 8/8/2018 21:22

A A+
WhatsApp f Twitter envelope

SINGAPURA: Pernahkan anda impikan untuk makan tanpa risau berat badan akan naik?

Nampaknya ia mungkin menjadi kenyataan.

Serat selulosa bersaiz nano yang ditambah kepada makanan boleh membantu tubuh menyerap kurang lemak.

Demikian hasil kajian terbaru oleh para saintis dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Universiti Harvard.

Kajian bersama itu menunjukkan bagaimana selulosa, serat tumbuhan semula jadi apabila dipecahkan kepada kepingan kecil dan ditambah kepada makanan boleh mengurangkan penyerapan lemak hampir separuh.

Apabila diuji pada tikus pula, para saintis mendapati bahawa mereka yang diberi makan krim yang mengandungi serat nano menyerap 36 peratus kurang lemak.

Ini berbanding tikus yang diberi makan krim sahaja.

Walaupun kajian itu masih di tahap eksperimen, NTU berharap untuk membangunkan produk sebenar dalam tempoh dua hingga lima tahun.

- CNA/NU/hs
